

31 DEC 2002

CUEPACS KESALI SIKAP ANGKUH S'PURA

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menganggap Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong sebagai angkuh apabila meremehkan isu tuntutan bertindih Pulau Batu Puteh.

Setiausaha Agungnya Datuk Abdul Rahman Manan berkata kenyataan Goh yang menganggap isu berkenaan sebagai satu lagi episod mengecam republik itu dan memandangnya sebagai suatu yang remeh adalah amat dikesali.

Katanya, Cuepacs menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyuarakan kekecewaannya terhadap tindak-tanduk Singapura dalam menangani pelbagai isu dua hala dengan Malaysia.

"Cuepacs akan bersama kerajaan dalam apa jua tindakan yang terbaik bagi menjamin dan mempertahankan maruah negara," katanya dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA

FA AZZ MOZ